



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Cadangan pihak Kementerian Pendidikan untuk menghantar pelajar yang mempunyai masalah disiplin serius menjalani program pemulihan di penjara dan lokap bagi memerangi gejala sosial di sekolah mula mendapat pelbagai reaksi serta maklum balas daripada anggota masyarakat.

Secara prinsipnya ada yang setuju dan ada juga yang tidak begitu yakin serta bersetuju dengan cadangan ini. Apapun masing-masing ada alasan tersendiri untuk menyokong mahupun menidakkan cadangan itu.

Kementerian dilaporkan masih merangka program pemulihan di penjara dan lokap selama enam bulan kepada pelajar bermasalah disiplin serius dalam usaha memerangi isu gejala sosial, termasuk buli di sekolah.

Mengikut cadangan, kumpulan pelajar ini akan dihantar ke penjara, lokap polis untuk tempoh tertentu sepanjang penggantungan bagi membolehkan pelajar ini melihat sendiri bagaimana pesalah lebih serius daripada mereka menjalani hukuman.

Kementerian berharap pendekatan seperti ini mampu mewujudkan kesedaran dan keinsafan dalam kalangan kumpulan pelajar bermasalah itu yang akhirnya membolehkan mereka berubah menjadi insan yang lebih baik. Dari segi teori, cadangan ini kelihatan wajar dan mampu memberi impak yang baik, namun sebelum ia dilaksanakan banyak perkara lain perlu diperincikan dan dimuktamadkan terlebih dahulu.

Kita patut memuji langkah berani Kementerian kerana ia cadangan drastik dan 'berani' dari pihak Kementerian untuk menangani isu disiplin dalam kalangan pelajar yang mutakhir ini kelihatan semakin membimbangkan.

Gejala buli, misalnya semakin menjadi-jadi sehingga ada mangsa yang maut serta mengalami kecacatan fizikal serius. Itu

belum lagi isu disiplin rutin yang lain seperti gangsterisme, dadah, ponteng sekolah dan memeras ugut. Jadi dalam konteks ini, penulis berpandangan memang ada kewajaran dalam cadangan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian ini.

Walaupun ada pihak yang kurang bersetuju dan berpandangan hukuman atau program ini terlalu keras serta boleh menjejaskan masa depan pelajar terbabit, namun kita perlu berfikir positif dan melihat kebaikan di sebalik program pemulihan ini.

Program ini sebenarnya disasarkan kepada golongan pelajar yang mempunyai masalah disiplin serius, jadi seperti yang kita sedia maklum kelompok ini sememangnya tidak minat untuk belajar dan terlalu tegar untuk diberi nasihat ataupun dipulihkan dengan hukuman disiplin biasa.

Jadi, penulis secara peribadi sangat bersetuju dengan cadangan ini, cuma kita harap cadangan ini akan dirangka dan diteliti sebaik mungkin dengan mengambil kira pandangan semua pihak supaya ia mencapai objektif program.

Perlu diingat tujuan program ini mempunyai nilai murni bertujuan memulihkan pelajar itu dengan memberi kesedaran secara serius supaya dapat memperbaiki kesilapan lalu seterusnya berubah menjadi insan lebih baik.

Antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan program ini ialah, pihak Kementerian mahupun sekolah perlu terlebih dahulu


mengenalpasti kategori pelajar yang layak menjalani program pemulihan ini, terutamanya dari segi jenis kesalahan serius yang termaktub di bawah hukuman ini.

Biar semua pihak jelas jenis kesalahan apa yang akan menyebabkan pelajar diarahkan menjalani program ini, sudah semestinya semua pihak mahu tahu sama ada program ini wajib diikuti oleh semua pelajar yang membuat kesalahan itu atau sekadar menjadi pilihan di mana ibu bapa boleh membuat memilih untuk menghantar anak mereka atau tidak.

Di fasa pelaksanaan pula, Kementerian juga perlu memastikan ibu bapa pelajar yang terbabit memberi



Kewajaran hukum pelajar bermasalah



kebenaran untuk anak mereka menjalani program pemulihan itu. Di samping itu, pengisian program pemulihan di pusat pemulihan yang ditetapkan juga perlu disusun rapi supaya akan memberikan

impak yang dihasratkan. Intipati program yang bakal dilaksanakan pada setiap hari dari hari pertama hingga ke hari terakhir program perlu diperincikan supaya mempunyai objektif yang jelas. Misalnya, kita

tidak mahu pelajar ini sekadar mengikuti ceramah dan taklimat semata-mata sama seperti ketika di sekolah.

Untuk itu, perlu juga ditetapkan tempoh masa yang sesuai program

pemulihan ini dilaksanakan. Misalnya, apakah wajar mereka mengikuti program itu sepanjang tempoh penggantungan mereka ataupun lebih singkat daripada itu. Ia banyak bergantung kepada pengisian dan impak program ini.

Dalam pada itu, penulis yakin kerisauan utama ibu bapa ialah tahap keadaan anak-anak mereka ketika di lokap mahupun pusat pemulihan.

Hal ini kerana kita belum pasti modus operandi yang bakal dilaksanakan terutama dari segi tahap dan batas pergaulan pelajar ini dengan pelatih pusat pemulihan sedia ada.

Jadi, pihak Kementerian perlu meyakinkan ibu bapa dengan memastikan tahap keselamatan anak mereka terjamin di pusat pemulihan terutamanya apabila mereka akan berada bersama-sama dengan pelatih pusat pemulihan yang lain yang telah melakukan pelbagai kesalahan yang lebih serius.

Jika perkara ini dapat ditangani dengan bijak, kita yakin masyarakat terutamanya ibu bapa yang terbabit akan memberi

lampu hijau kepada cadangan pihak Kementerian ini.

Hal ini kerana ibu bapa mana yang tidak mahu anak mereka berubah menjadi insan yang lebih baik.

Apapun buat masa sekarang, ia masih di peringkat cadangan dan pemurnian di mana pihak Kementerian juga dilaporkan sedia untuk menerima pandangan, cadangan dan idea dari pelbagai pihak berkepentingan.

Jadi, kita berharap semua pihak yang berkaitan seperti ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan juga Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) tampil memberikan cadangan yang membina supaya sama-sama dapat berganding bahu menangani masalah disiplin pelajar.

Bagi memberi laluan kepada Kementerian memuktamadkan cadangan ini, kita berharap semua pihak tidak cepat melenting dengan cadangan ini, sebaliknya melihat kewajaran dan hikmah di sebalik cadangan itu. Kaji dan perhalusi kebaikan dan kelemahan cadangan ini sebelum mengemukakan pandangan masing-masing.

Hakikatnya, ini mungkin antara usaha terbaik untuk kita memulihkan anak-anak daripada terus hanyut dan kelam masa depan mereka sendiri.

Penulis Ketua Bahagian
Hal Ehwal Pelajar UPM